

**SOALAN NO: 26**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Raime Bin Unggi [Tenom]**

**TARIKH : 7 Mac 2018**

**SOALAN : Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapa ramai usahawan mikro disasarkan oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional menerusi peruntukan sebanyak RM500 juta, yang diumumkan dalam Bajet 2018 serta kategorikan pembiayaan usahawan mengikut komposisi kaum dan negeri sejak 2010.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

TEKUN Nasional mensasarkan seramai 35,000 orang usahawan untuk menerima peruntukan sebanyak RM500 juta bagi tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, TEKUN mensasarkan 3,500 orang usahawan dengan nilai peruntukan sebanyak RM60 juta bagi Negeri Sabah. Bidang-bidang yang ditawarkan adalah bidang pertanian sebanyak 9%, peruncitan 40%, perkhidmatan 37%, pembuatan 8% dan kontraktor kecil 6%.

Pembiayaan yang telah disalurkan sejak tahun 2010 sehingga 2017 adalah melebihi RM3.5 billion dengan melibatkan seramai 333,903 orang usahawan. Secara keseluruhan mengikut pecahan kaum daripada tahun 2010 sehingga 2017, Kaum Melayu merupakan bilangan tertinggi iaitu seramai 282,955 orang usahawan dengan pembiayaan melebihi RM3.0 billion diikuti oleh Kaum India seramai 16,642 orang usahawan dengan pembiayaan melebihi RM229 juta, Kaum Dusun seramai 4,765 orang usahawan dengan pembiayaan sebanyak melebihi RM52 juta dan Kaum Iban seramai 4,393 orang usahawan dengan pembiayaan sebanyak melebihi RM26 juta.

Manakala mengikut pecahan negeri daripada tahun 2010 sehingga 2017, Negeri Sabah telah mencatat bilangan tertinggi iaitu seramai 39,162 orang usahawan dengan pembiayaan melebihi RM368 juta diikuti Negeri Kedah seramai 38,652 orang usahawan dengan

pembiayaan melebihi RM370 juta dan Negeri Johor seramai 35,306 orang usahawan dengan pembiayaan melebihi RM396 juta dan Negeri Selangor seramai 35,126 orang usahawan dengan pembiayaan melebihi RM 475 juta.

Bagi kawasan Tenom, pembiayaan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM13.5 juta kepada seramai 1,666 orang usahawan bagi tahun 2010 sehingga 2017.